



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**13 Januari 2018**

1. Skim pelaburan kucing: Pemilik, Pengurus kedai haiwan ditahan; Utusan Malaysia
2. Kencing Tuan Kucing; Harian Metro
3. 35 laporan polis kes pelaburan kucing babit Rm1.56j; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input checked="" type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Dalam negeri		M/SURAT: <input type="text" value="7"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
13 Januari 2018			

## Skim pelaburan kucing: Pemilik, pengurus kedai haiwan ditahan

**SHAH ALAM 12 Jan.** - Polis menahan dua individu yang juga pemilik serta pengurus kedai haiwan peliharaan, Pet Global Sdn. Bhd. bagi membantu siasatan kes penipuan skim pelaburan kucing membabitkan jumlah kerugian RM1.56 juta.

Penahanan individu berusia 34 dan 55 tahun itu dilakukan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman dalam serbuan di Seksyen 14 di sini kira-kira 11.30 pagi ini.

Ketua Penolong Pengarah (Siasatan Jenayah Korporat dan Kewangan) JSJK Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner S. Sasikala Devi berkata, pihaknya turut menyerbu dua lagi premis syarikat itu di Melati Utama,

Setapak, Kuala Lumpur dan Bandar Baru Uda, Johor Bahru, Johor.

Menurutnya, di Melati Utama, pihaknya mendapati premis itu ditutup sejak dua bulan lalu manakala di Bandar Baru Uda, premis berkenaan masih beroperasi.

"Hasil serbuan di Johor Bahru, beberapa dokumen seperti sijil baka kucing dirampas. Setiap kucing dipakikan mikrochip mengandungi maklumat haiwan berkenaan.

"Di Shah Alam pula, kita menahan dua lelaki iaitu pemilik dan pengurus kedai haiwan terbabit selain merampas beberapa dokumen berkaitan

sijil baka kucing," katanya kepada pemberita selepas melakukan Op Meow di sini.

Sasikala berkata, ketiga-tiga serbuan itu dilakukan selepas menerima 35 aduan daripada mangsa yang melabur dalam skim tersebut sejak setahun lalu di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor Bahru.

Ujarnya, siasatan mendapati mangsa ditawarkan menyertai skim pelaburan itu yang melibatkan urusan jual beli pelbagai baka kucing seperti Pedigree, Siberian, Scottish Fold Straight, British Short Hair pada harga RM7,000 hingga RM30,000.

"Kucing yang dibeli mangsa

ini kemudiannya akan ditinggalkan di premis syarikat itu untuk dibiakkan. Mangsa dijanjikan dengan pulangan yang lumayan pada kadar 70 peratus keuntungan melalui anak kucing yang dilahirkan dan dijual kepada pelanggan.

"Bagaimanapun, setelah menunggu lebih setahun, mangsa dikatakan tidak mendapat sebarang keuntungan yang dijanjikan sebelum menyedari bahawa mereka telah ditipu oleh syarikat terbabit," ujarnya yang turut meminta mangsa lain yang terlibat dengan skim pelaburan berkenaan supaya tampil membuat laporan polis.

Tambah Sasikala, kes itu disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.



S. SASIKALA DEVI

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Setempat</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="30"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
13 Januari 2018			



# KENCING TUAN KUCING

**■ 35 mangsa pelaburan si bulus  
baka import rugi RM1.56 juta**

**Siraj Mohd Zaini**  
siraj@hmetro.com.my

**Shah Alam**

**B**eli kucing baka import dan raih keuntungan apabila kucing itu melahirkan anak. Itu modus operandi skim pelaburan kucing yang ditawarkan sebuah syarikat menjual haiwan peliharaan di Seksyen 14 sejak dua tahun lalu.

Difahamkan, peminat kucing hanya perlu mengeluarkan modal serendah RM30,000 bagi baka kucing import seperti pedigree, siberian, scottish fold straight, british shorthair dan maine coon untuk menyertai skim berkenaan.

Bagaimanapun, lebih 35 mangsa membuat laporan polis membabitkan kerugian lebih RM1.56 juta selepas tidak menerima pulangan modal dan komisen seperti dijanjikan.

Seorang mangsa yang enggan dikenali berkata, dia tertarik untuk menyertai skim itu disebabkan pulangan yang dijanjikan berlipat kali ganda daripada modal yang dikeluarkan.

Katanya, selepas membeli kucing berkenaan, mereka boleh membawa pulang kucing itu ke rumah dan hanya perlu dibawa ke premis ketika hendak mengawan atau boleh ditinggalkan terus di premis itu dengan caj RM7,200 setahun.

"Selepas kucing itu melahirkan anak, anak kucing akan dijual pada harga serendah RM10,000 sekor dan

**SASIKALA**

bagi setiap ekor yang terjual, kami akan menerima komisen 70 peratus manakala 30 peratus lagi menjadi milik syarikat.

"Namun sejak setahun lalu, ramai antara peserta skim ini tidak menerima modal dan komisen, malah ada antara mereka mengadu kucing yang ditinggalkan di premis itu dibiarakan tanpa penjagaan rapi dan tidak diberikan makanan," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah (Siasatan Jenayah Korporat/Kewangan) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman Senior Asisten Komisyoner S Sasikala Devi berkata, serbuan semalam dilakukan secara serentak di Shah Alam serta dua lagi lagi premis syarikat itu di Setapak, Kuala Lumpur dan Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

Beliau berkata, polis menggeledah kedai berkenaan untuk mengambil dokumen berkaitan skim serta siji baka kucing bagi membantu siasatan.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Jenayah</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="23"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
13 Januari 2018			

## 35 laporan polis kes pelaburan kucing babit kerugian RM1.56j

**Shah Alam:** Sekurang-kurangnya 35 laporan polis dibuat mangsa penipuan pelaburan kucing yang dijalankan sebuah syarikat menjual haiwan kesayangan yang beroperasi di Selangor dan Johor.

Ketua Penolong Pengarah Siasatan Jenayah Korporat/Kewangan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner S Sasikala Devi, berkata laporan kerugian dialami mangsa pelaburan berkenaan membabitkan nilai kira-kira RM1.56 juta.

"Susulan aduan itu, tiga serbuan serentak dilakukan hari ini (semalam) iaitu di kawasan Shah Alam, Setapak dan Bandar Baru Uda Johor Bharu.

"Hasil serbuan, kita merampas dokumen iaitu sijil baka kucing yang dilaburkan dan polis kini mengesan pemilik kucing lain yang turut terbabat dalam pelaburan ini.

"Bagaimanapun, premis di Setapak sudah ditutup sejak dua bulan lalu," katanya, selepas serbuan terhadap syarikat di kawasan Shah Alam, di sini, semalam.

Sasikala berkata, hasil siasatan pihaknya mendapati mangsa diperdaya dengan ditawarkan kucing baka import seperti Siberian, Scottish Fold, British Short Hair dan banyak lagi dengan harga antara RM10,000 hingga RM30,000.

"Kucing dibeli itu kemudian akan diletakkan di premis syarikat itu untuk proses mengawan dan mangsa dijanjikan pulangan lumayan selepas kucing berkenaan melahirkan anak.

"Setiap anak kucing dilahirkan akan dijual pada harga RM7,000 ke atas dan mangsa akan memperoleh keuntungan sehingga RM50,000 selepas setahun.

"Bagaimanapun, sehingga kini mangsa mendakwa tiada sebarang pulangan diterima daripada syarikat berkenaan," katanya.

Sasikala berkata, polis akan menahan pemilik syarikat berkenaan dan pengurusnya kerana dikesan menguar-uarkan pelaburan berkenaan, untuk membantu siasatan.

Katanya, pemilik kucing yang belum membuat laporan diminta tampil berbuat demikian dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.



Kucing dibeli itu kemudian akan diletakkan di premis

syarikat itu untuk proses mengawan dan mangsa dijanjikan pulangan lumayan selepas kucing berkenaan melahirkan anak"

**S Sasikala Devi,**  
Ketua Penolong Pengarah Siasatan Jenayah Korporat/Kewangan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman